

U B861 AAB
MAHATHIR-IMPERIALISME RRRRR

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NILAI HUTANG NEGARA-NEGARA MISKIN TELAH MENINGKAT KERANA KENAIKAN NILAI MATAWANG NEGARA YANG MEMBERI PINJAMAN.

BELIAU BERKATA DI SAMPING ITU HARGA BARANGAN BUATAN NEGARA-NEGARA KAYA JUGA MENINGKAT TINGGI DAN INI MENGAKIBATKAN NEGARA MISKIN MENANGGUNG KERUGIAN KERANA TERPAKSA MEMBELI DENGAN HARGA MAHAL.

KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-38 DI DEWAN MERDEKA, PWTC DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA PADA TAHUN 1986, KIRA-KIRA AS\$70 BILION TELAH DINIKMATI OLEH NEGARA KAYA KERANA HARGA BAHAN MENTAH NEGARA MISKIN JATUH DENGAN TERUKNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN NEGARA-NEGARA KAYA MENJATUHKAN HARGA BAHAN MENTAH ITU BERERTI MEREKA BERJAYA MENAMBAHKAN KEKAYAAN DARIPADA KERUGIAN NEGARA YANG MISKIN.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA KAYA JUGA TELAH MENGGUNAKAN TEKNOLOGI BARU UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN BAHAN MENTAH SEHINGGA MELEBIHI PERMINTAANNYA, DAN MENCIPTA PENGGUNAAN BAHAN MENTAH BARU BAGI MENGURANGKAN PERMINTAAN BAHAN MENTAH DARI NEGARA MEMBANGUN. -- LAGI
1107MST 24 04 87

U B865 AAB
MAHATHIR- IMPERIALISME 2 KUALA LUMPUR

EKORAN ITU, KATA BELIAU HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH TELAH TURUN DENGAN MENDADAK.

SELAIN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA BARAT BERMUAFAKAT DENGAN MENDESAK NEGARA KAYA YANG MENGEKSPORT BARANGAN KEPADA MEREKA MENAIKKAN NILAI MATA WANG, MENYEBABKAN NILAI YEN DAN DEUTSCHMARK MENINGKAT DAN MENJADI BEBANAN KEPADA NEGARA MISKIN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA NEGARA-NEGARA KAYA TIDAK JUGA DAPAT MENGURANGKAN IMPORT MEREKA DARI NEGARA BERKENAAN DAN MASALAH EKONOMI EROPAH-AMERIKA TIDAK JUGA DAPAT DIATASI.

DI AMERIKA SYARIKAT, LEBIH 100 BUAH BANK TELAH BANGKRAP, MANAKALA DI BRITAIN SEBUAH BANK YANG BESAR SEDANG DISIASATI OLEH KERAJAANNYA, KATANYA.

BELIAU BERKATA SAHAM-SAHAM SYARIKAT GERGASI JUGA TELAH DIMANIPULASIKAN OLEH PARA PENGARAHNYA MELALUI +INSIDER TRADING+ DAN BROKER BURSA SAHAM TERLIBAT DENGAN PELBAGAI JENAYAH KOMERSIL, BAHKAN DENGAN PENGEDARAN NAJIS DADAH. -- LAGI
1123MST 24 04 87

U 8867 AAB
MAHATHIR- IMPERIALISME 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM MASYARAKAT MANUSIA BIASANYA, JIKA SEBEOANG MENJADI KAYA, ORANG-ORANG MISKIN AKAN ADA YANG DAPAT MENUMPANG KEKAYAAN ITU.

OLEH KERANA ITU, KATA BELIAU APABILA PELOMBONG MAJU DAN KAYA AKAN BANYAKLAH PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN WUJUD DAN INI AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENGUTIP CUKAI YANG KEMUDIANNYA DIAGIHKAN KEPADA RAKYAT, MELALUI SUBSIDI DAN PROJEK.

MENGENAI POLITIK ANTARABANGSA, BELIAU BERKATA POLITIK DUNIA KINI TERBAHAGI KEPADA TIGA BLOK - PUAK BARAT, PUAK KOMUNIS DAN NEGARA-NEGARA KETIGA - YANG TIAP-TIAP SATU MENENTANG YANG LAIN DENGAN KESAN AMAT BURUK KEPADA MANUSIA.

KATANYA JIKA PUAK BARAT DAN PUAK KOMUNIS TIDAK BERPERANG SECARA LANGSUNG, MEREKA SECARA TIDAK LANGSUNG BERPERANG DENGAN MEMPERALATKAN NEGARA-NEGARA KETIGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUNUH MEMBUNUH, MENCULIK DAN PERAS UGUT BUKAN SAHAJA DILAKUKAN OLEH PENJENAYAH TETAPI JUGA OLEH NEGARA-NEGARA DENGAN TIDAK MENGAMBILKIRA ORANG YANG TIDAK BERDOSA TURUT TERANIAYA -- LAGI
1128MST 24 04 87

U 8868 AAB
MAHATHIR- IMPERIALISME 4 KUALA LUMPUR

MALAH, KATANYA ADA NEGARA CUBA MEMBUNUH ORANG-ORANG TERTENTU DENGAN MENGEBOM KEDIAMAN MEREKA SAMBIL MENGECEM PERBUATAN MENGGANAS.

MENGENAI PERLUMBAAN SENJATA NUKLEAR, BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUNLAH TERMASUK MALAYSIA YANG MENDERITA TERUK APABILA KEDUDUKAN KEWANGAN DUNIA MENJADI BURUK DENGAN TERJEJABNYA KEWANGAN NEGARA-NEGARA YANG BERLUMBA SENJATA NUKLEAR.

KATANYA WALAUPUN NEGARA-NEGARA DI SELURUH DUNIA TERNAMPAK TIDAK BIHAT, ADA NEGARA YANG SEMAKIN MAJU DAN KAYA SEPERTI KOREA SELATAN DAN TAIWAN KERANA RAKYATNYA SANGGUP BEKERJA KERAS SUPAYA BARANG N MEREKA DAPAT MENANDINGI PASARAN LUAR NEGERI. -- BERNAMA
1129MST 24 04 87